

Ruj. Kami : UMP.100-1/3/1 ( 22 )  
Tarikh : 7 Ogos 2023

**Senarai edaran seperti lampiran**

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 14 TAHUN 2023 MENGENAI BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM DAN PESARA KERAJAAN TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 14 Tahun 2023 mengenai Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam Dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar:

- i) Puan Siti Sakinah Binti Mohtar (Eksekutif Kanan)  
Tel : 014-338 7237  
Emel : ssakinah@ump.edu.my


4. Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



**(HELMI BIN MOHAMED ISA)**

Pengurus

Bahagian Pengurusan Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



اوتنؤرسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

## PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 14 TAHUN 2023

### BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM DAN PESARA KERAJAAN TAHUN 2023

#### TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Surat Edaran kerajaan berkenaan pemberian Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 kepada staf UMPSA di Gred 56 dan ke bawah yang setara dengannya.

#### LATAR BELAKANG

- 2.0 Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah dan turut dipanjangkan kepada pesara kerajaan yang menerima pensen serta staf lantikan *Contract for Service* yang disetarakan.
- 3.0 Mesyuarat LPU Bil. 4/2019 yang telah diadakan pada 24 November 2019, telah bersetuju bahawa semua keputusan berkenaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan oleh kerajaan boleh digunapakai dan pembayaran hendaklah dibuat mengikut masa yang ditetapkan.

## **PELAKSANAAN**

### **4.0 Pegawai yang layak**

- 4.1 Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 sebanyak RM300.00;
- 4.2 Pegawai UMPSA Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan:
  - 4.2.1 Pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service*;
  - 4.2.2 Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
  - 4.2.3 Pegawai yang bercuti separuh gaji;
  - 4.2.4 Pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
  - 4.2.5 Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai; dan
  - 4.2.6 Pegawai yang meninggal dunia pada 10 Ogos 2023.

### **5.0 Pembayaran ini turut dipanjangkan kepada:**

- 5.1 Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM300.00 turut dipanjangkan kepada individu *Contract for Service* (CFS) yang disetarakan pada gred 56 dan ke bawah sebanyak RM300.00 yang masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
- 5.2 Pesara Perkhidmatan Awam dan veteran yang dilantik semula secara CFS layak menerima RM300 dan pembayaran dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) sebanyak RM200 dan baki sebanyak RM100 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat;
- 5.3 Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan atau meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023 adalah tidak layak untuk menerima Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan

Tahun 2023 ini;

5.4 Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) serta lantikan *Contract for Service* yang disetarakan di bawah tanggungan belanja mengurus akan dibayar menggunakan sumber dalaman UMPSA; dan

5.4.1 Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 kepada PSH serta lantikan *Contract for Service* yang disetarakan di bawah tanggungan **tabung amanah jabatan** akan dibayar menggunakan Tabung Amanah jabatan; .

5.4.1.1 Bagi tujuan pembayaran, jabatan terlibat perlu mengembalikan borang arahan bayaran sebagaimana di Lampiran 1 kepada Seksyen Perkhidmatan dan Pengurusan Prestasi, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar sebelum atau pada **9 Ogos 2023**. Borang arahan bayaran Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 yang diterima selepas tarikh tersebut, bayaran akan dilakukan kepada individu menerusi pembayaran gaji September 2023;

## 6.0 Pesara

6.1 Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 kepada pesara kerajaan yang memilih skim pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 10 Ogos 2023 akan dibayar sebanyak RM200.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam manakala bagi veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran; dan

6.2 Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak diberi Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM300.00. Pembayaran

sebanyak RM200.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam /Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM100.00 akan dibayar oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

#### **7.0 Pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan**

7.1 Pegawai universiti yang meninggal dunia pada 10 Ogos 2023 layak diberi Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM300.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pensen terbitan yang layak di bawah undang-undang pensen sebanyak RM300.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

#### **8.0 Pegawai yang ditangguhkan Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023**

8.1 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

#### **9.0 Pegawai yang tidak layak**

- 9.1 Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/Gred Khas;
- 9.2 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023;
- 9.3 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023;
- 9.4 Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023; dan
- 9.5 Pegawai berpencen yang melepaskan hak pensen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

## **TARIKH PEMBAYARAN**

10.0 Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dilakukan pada **10 Ogos 2023** dan merupakan tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

## **TARIKH KUAT KUASA**

11.0 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Teknologi Untuk Masyarakat”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)**

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 7 Ogos 2023



اونڤوسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
 AL-SULTAN ABDULLAH**

**BORANG AKUAN BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM DAN  
 PESARA KERAJAAN TAHUN 2023 PEKERJA SAMBILAN HARIAN DAN WARGA  
 KERJA LANTIKAN *CONTRACT FOR SERVICE* DI BAWAH TABUNG AMANAH  
 JABATAN**

Selaku Ketua Jabatan di \_\_\_\_\_ (nama jabatan),  
 saya \_\_\_\_\_ (nama Ketua Jabatan) memperaku bahawa  
 Tabung Amanah jabatan mempunyai baki mencukupi dan bersetuju untuk membuat  
 pembayaran Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun  
 2023 bagi Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan warga kerja di bawah lantikan *Contract  
 for Service* seramai \_\_\_\_\_ (bilangan warga kerja) orang sebagaimana perincian di  
 bawah:

Bil	Nama	ID Pekerja	Jawatan/Gred

*Nota: Sekiranya ruangan di jadual tidak mencukupi, sila lampirkan bersama lampiran tambahan.*

Tandatangan Ketua Jabatan : .....

Nama Ketua Jabatan : .....

Fakulti/Unit : .....

Tarikh : .....

## SENARAI EDARAN

### Pengurusan Tertinggi

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**  
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**  
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**  
Penasihat Undang-Undang

### Penolong Naib Canselor / Dekan / Ketua Jabatan / Pengarah Kanan / Pengarah / Bahagian/ Unit

1. **YBhg. Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Binti Abdul Munaim**  
Penolong Naib Canselor  
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM)
2. **Profesor Ts. Dr. Kamal Bin Yusoh**  
Penolong Naib Canselor  
Pusat Hal Ehwal Korporat dan Kualiti
3. **Profesor Madya Dr. Hamdan Bin Daniyal**  
Dekan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FTKEE)
4. **Profesor Dr. Mahadzir Bin Ishak @ Muhammad**  
Dekan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FTKMA)
5. **Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Faiz Bin Mohd Turan**  
Dekan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik (FTKPM)

- 6. Ir. Dr. Fadzil Bin Mat Yahaya**  
Dekan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- 7. Profesor Madya Ts. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**  
Dekan  
Fakulti Komputeran (FK)
- 8. Profesor Madya Ts. Dr. Saifful Kamaluddin Bin Muzakir @ Lokman**  
Dekan  
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
- 9. Profesor Dr. Mohd Zuki Bin Salleh**  
Dekan  
Pusat Sains Matematik (PSM)
- 10. Dr. Mohd Hanafiah Bin Ahmad**  
Dekan  
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)
- 11. Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said**  
Dekan  
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
- 12. Profesor Madya Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**  
Dekan  
Pusat Bahasa Moden (PBM)
- 13. Profesor Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**  
Dekan  
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
- 14. Profesor Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**  
Menjalankan Tugas Dekan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia & Proses (FTKKP)
- 15. Profesor Madya Dr. Mohamed Ariff Bin Amedeen**  
Ketua Pegawai Maklumat  
Jabatan Pengurusan Pengetahuan & Teknologi Maklumat
- 16. Profesor Dr. Mohd Hasbi Bin Ab Rahim**  
Pengarah Kanan Penyelidikan  
Pusat Pengurusan Penyelidikan
- 17. Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Haron**  
Pengarah Kanan Inovasi & Komersial  
Pusat Pengurusan Inovasi & Komersial

- 18. Profesor Dr. Chong Kwok Feng**  
Pengarah Kanan  
Bahagian Kualiti Penyelidikan & Pusat Kecemerlangan  
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 19. Ts. Izwan Bin Ismail**  
Pengarah/Ketua Pegawai Pengurusan Fasiliti,  
Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (PPPH)
- 20. Profesor Madya Dr. Mohd Nizam Bin Mohmad Kahar**  
Pengarah  
Akademi ADAB  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 21. Dr. Munira Binti Abdul Razak**  
Pengarah  
Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya
- 22. Ts. Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**  
Pengarah  
Unit Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- 23. Ts. Mohd Rashid Bin Abu Bakar**  
Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)
- 24. Dr. Noryanti Binti Muhammad**  
Pengarah  
Pusat Kecerdasan Buatan & Sains Data
- 25. Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Bin Ghazali**  
Pengarah  
Pusat Penyelidikan Bendalir & Proses Termaju (Pusat Bendalir)
- 26. Dr. Izan Izwan Bin Misnon**  
Pengarah  
Pusat Kecerdasan Bahan Termaju
- 27. Profesor Dr. Rizalman Bin Mamat**  
Pengarah  
Pusat Kejuruteraan Automotif (Pusat Automotif)
- 28. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Bin Mohd Yunus**  
Pengarah  
Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam (Pusat Alam)
- 29. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**  
Pengarah  
Pusat Penyelidikan Bioaromatik (Pusat Bioaromatik)

- 30. Dr. Nasrul Hadi Bin Johari**  
Pengarah  
Pusat Teknologi Industri Termaju
- 31. Ts. Dr. Norazlianie Binti Sazali**  
Pengarah  
Penerbit UMP
- 32. Profesor Madya Dr. Hazrulrizawati Binti Abd Hamid**  
Pengarah  
Makmal Berpusat
- 33. Ts. Syahrulnaim Bin Mohamad Nawi**  
Pengarah  
Pusat Reka Bentuk & Inovasi Teknologi (PRInT)
- 34. Cik Yong Ying Mei**  
Pengarah  
Institut Confucius
- 35. Dr. Noram Irwan Bin Ramli**  
Pengarah  
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (PIDA)
- 36. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Shahrir Bin Mohd Sani**  
Pengarah  
Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- 37. Encik Zainal Bin Bahari**  
Pengarah  
Pusat Pemasaran & Kemasukan Akademik (PPKA)
- 38. Profesor Madya Ts. Dr. Awanis Binti Romli**  
Pengarah  
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
- 39. Profesor Madya Dr. Mohd Azmir Bin Mohd Azhari**  
Pengarah  
Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA)
- 40. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Bin Mat Rejab**  
Pengarah  
Pusat Kerjasama Strategik Akademik (PKSA)
- 41. Profesor Madya Dr. Hasan bin Ahmad**  
Pengarah  
Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS)

- 42. Encik Mohd Raizalhilmy Bin Mohd Rais**  
Pengarah  
Perkhidmatan Pelajar  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 43. Profesor Madya Dr. Izwan Bin Ismail**  
Pengarah  
Pusat Kerjaya UMP
- 44. Ts. Dr. Azri Bin Alias**  
Pengarah  
Pusat Perhubungan Alumni
- 45. Profesor Madya Dr. Rashidi Bin Abbas**  
Pengarah  
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
- 46. Encik Mohd Aznorizamin Bin Ismail**  
Pengarah  
Pusat Sukan & Kebudayaan
- 47. Dr. Suhaidah Binti Hussain**  
Pengarah  
Pusat Pembangunan Usahawan Kreatif
- 48. Dr. Khairul Salleh Bin Abdul Basit**  
Pengarah  
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
- 49. Dr. Noradilah Binti Md Nordin**  
Pengarah  
Pusat Sejahtera
- 50. Encik Mohd Nazri Bin Samsudin**  
Pengarah  
Bahagian Keselamatan
- 51. Profesor Madya Ir. Dr Norazwina Binti Zainol**  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Strategik Dan Kualiti  
Pusat Hal Ehwal Korporat Dan Kualiti
- 52. Profesor Madya Ts. Dr. Herma Dina Binti Setiabudi**  
Pengarah  
Bahagian Penarafan Dan Kelestarian  
Pusat Hal Ehwal Korporat Dan Kualiti
- 53. Profesor Madya Ir. Dr Chin Sim Yee**  
Pengarah  
Bahagian Hubungan Universiti - Industri  
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat

- 54. Encik Zainuddin Bin Mat Husin**  
Pengarah  
Bahagian Hubungan Universiti - Komuniti  
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat
- 55. Puan Mimi Rabita Binti Abd Wahit**  
Pengarah  
Pusat Komunikasi Korporat
- 56. Encik Asri Bin Haji Zainudin**  
Ketua  
Unit Pengurusan Risiko
- 57. Ketua**  
Unit Integriti & Pematuhan
- 58. Encik Mohd Akram Bin Abdul Razak**  
Ketua  
Unit Audit Dalam
- 59. Puan Haryani Binti Abdullah**  
Pengurus Besar  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 60. Encik Abdul Shukur Bin Ishak**  
Pengurus Kanan  
Jabatan Pendaftar
- 61. Encik Hazmin Bin Aris**  
Pengurus Kanan  
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
- 62. Encik Rosilavi Bin Mat Jusoh**  
Pengurus Kanan  
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 63. Encik Muhamad Faisal Bin Mohd Yasin**  
Pengurus  
Jabatan Canseleri